

KAIS PAGI MAKAN PAGI

SIRI 23

SETELAH dihalusi, kita pasti bersetuju bahawa ayam mempunyai satu sifat dan tabiat yang boleh dijadikan contoh teladan kehidupan sehari - hari bagi insan di muka bumi ini dari sumber alam yang dikatakan berkembang itu. Sebagai satu contoh dari keadaan lingkungan alam yang dicerminkan oleh nenek moyang orang - orang Minangkabau melahirkan satu falsafah seperti perilaku kehidupan seekor induk ayam yang tahu memenuhi tanggungjawab dalam mengatur serta melindungi anak - anaknya.


Induk ayam memang haiwan tetapi cukup tinggi tanggungjawabnya terhadap kepentingan anak - anaknya. Walaupun jumlah anaknya banyak namun si induk ayam tetap mahu memberi anak - anaknya cukup makan hingga tidak mengalami kelaparan. Malah pepatah kita juga apabila menggambarkan tentang kegigihan golongan miskin menyebut:-

Kais pagi makan pagi

Kais petang makan petang

- yang juga mengambil ibarat tamsil dari kehidupan ayam.

Ayam juga bukan sekadar menjaga makan



OLEH TAN SRI SAMAD IDRIS

minum anak - anaknya dengan sempurna, malah sanggup mempertaruhkan nyawanya untuk melindungi anak - anaknya dari mu-

suh. Apabila anak - anaknya dimasukkan ke bawah sayap untuk melindungi dari kesejukan di waktu malam atau kehujaan si induk ayam tidak melepaskan anak - anaknya sekalipun dirinya diancam musang. Si induk ayam juga akan berlegar mengembangkan sayap ke tengah padang sekiranya ternampak bayang helang mahu menyambar dari udara.

Demikian ayam dijadikan tamsil ibarat. Tidak sama seperti harimau yang kadang kala memakan anaknya sendiri. Sedangkan induk ayam sekalipun ditaburkan beras atau padi oleh tuannya, dia tidak akan memakannya, melainkan diberikan kepada anak - anaknya lebih dahulu.

Begitu juga perilaku induk ayam tidak mahu memakan sebarang makanan yang diberikan secara percuma melainkan dia mesti mengekas terlebih dulu. Ini menunjukkan satu tamsil ibaratnya amat tinggi nilai falsafahnya. Dalam ertikata lain setiap insan wajar mencari makan dengan titik - peluhnya sendiri dengan tidak mengharapkan mendapat dengan mudah atau percuma dari belas ehsan orang lain bagaikan:

Pipih datang melayang
Bulat datang menggolek
Bulan jatuh ke riba

Sebaliknya mestilah membanting tulang mengeluarkan peluh membina kehidupan yang boleh diwarisi pula hingga sampai ke generasi mereka selanjutnya.

Tanggungjawab seekor induk ayam mempertahankan anak - anaknya dari musuh, bukan saja dari musuh - musuh liar seperti biawak, helang, kucing jalang, musang dan sebagainya, malah kalau ayam jantan atau tuan punya sekalipun cuba hendak mende-kati saja, nescaya akan mendapat tentangan dari induk atau ibunya. Apatah lagi kalau musuh - musuh yang liar pasti akan dikelepurkan sekalipun dirinya sendiri terkorban.

Beginilah contoh sumber alam memperkenankan tabiat induk ayam yang boleh dijadikan teladan oleh manusia untuk digarap dalam falsafah yang tinggi nilainya ini. Di sini saya suka membuat pertanyaan, berapa orang dari kita di sini yang ada mengambil perhatian dan menilai dari ungkapan 'alam berkembang jadikan guru' ini? Saya tidak mahu jawapan.